

4. Keadilan yang diberikan kepada ahli keluarga dan jangka depannya pihak berkuasa perundangan Melayu.
A. Sekutu bersama-sama dengan ahli keluarga
B. Sekutu bersama-sama dengan ahli keluarga
C. Sekutu bersama-sama dengan ahli keluarga

NAMA Tingkatan

Jawab semua soalan. Jawab setiap soalan dengan lengkap dan rapi.

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1249/1

[Lihat halaman sebelah

1 Mengapakah wilayah pengaruh yang luas penting terhadap Kesultanan Melayu Melaka?

- A Mewujudkan perpaduan rakyat
- B Mengukuhkan peradaban bangsa
- C Membuktikan kewibawaan pemerintah
- D Mengelakkan campur tangan kuasa luar

2 Situasi berikut merujuk kepada Undang-Undang Laut Melaka.

Seorang malim telah dijatuhi hukuman bunuh.

Apakah kesalahan yang dilakukan oleh malim tersebut?

- A Memalsukan titah sultan
- B Mengingkari arahan raja
- C Mengenakan cukai tambahan
- D Menyebabkan kerosakan kapal

3 Pernyataan berikut merujuk kepada perkembangan nasionalisme di Asia.

Gerakan Islah menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam sebenar berpandukan al-Quran dan Hadis.

Apakah rasional seruan tersebut?

- I Memperbaik kehidupan masyarakat
 - II Menghindari penyebaran ajaran sesat
 - III Memperkuuh hubungan persaudaraan
 - IV Membebaskan diri daripada penjajahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 4 Mengapakah British menganggap Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebagai pertubuhan radikal?
- A Menolak rundingan dengan kerajaan
 - B Berani menyuarakan penentangan
 - C Bekerjasama dengan negara lain
 - D Menuntut kebebasan mutlak
- 5 Apakah hasrat Adolf Hitler menerusi Operasi Barbarossa yang dilancarkan semasa Perang Dunia Kedua?
- A Menguasai seluruh Eropah
 - B Mendapatkan bahan mentah
 - C Menjejaskan ekonomi Britain
 - D Mendapatkan kembali wilayah
- 6 Gambar merujuk kepada anggota Rejimen Askar Melayu semasa pendudukan Jepun di negara kita.



Lefetenan Ibrahim Alla Dittan MC

- Mengapakah beliau dianugerahi pingat Military Cross?
- A Merancang Operasi Zipper
 - B Menyelamatkan tentera Bersekutu
 - C Mengelolakan siaran radio dari India
 - D Mengetuai pertempuran di Pasir Panjang

- 7 Apakah kandungan surat bantahan yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu kepada kerajaan British di London pada tahun 1946?
- A Membatalkan status negara jajahan
 - B Memulaukan pelantikan Gabenor British
 - C Menolak kewarganegaraan secara *jus soli*
 - D Memansuhkan persetujuan Malayan Union
- 8 Mengapakah Young Malay Association (YMA) ditubuhkan di Sarawak?
- A Memajukan penduduk tempatan
 - B Melaksanakan pemerintahan sendiri
 - C Menggalakkan ahli bertukar pendapat
 - D Membangkitkan kesedaran nasionalisme
- 9 Apakah cadangan yang dikemukakan oleh PUTERA dalam draf Perlembagaan Rakyat?
- I Pembahagian kuasa
 - II Bendera kebangsaan
 - III Hal ehwal luar negeri
 - IV Syarat kewarganegaraan
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | B I dan IV |
| C II dan III | D III dan IV |
- 10 Dialog berikut berlaku pada tahun 1948.

Pemuda A: Saya lahir dan bermastautin di Persekutuan Tanah Melayu selama 15 tahun. Apakah syarat lain yang perlu saya penuhi untuk melayakkkan saya menjadi warganegara?

Pemuda B: Anda mestilah mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Berdasarkan dialog tersebut, bagaimakah Pemuda A layak mendapat kewarganegaraan?


- A Jus soli
- B Naturalisasi
- C Pendaftaran
- D Kuat kuasa undang-undang

11 Mengapaah fahaman komunis tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu?

- A Menentang Melayu Raya
B Menyokong dasar British
C Menggunakan kekerasan
D Menekankan pembaharuan

A Tidak

12 Rajah berikut berkaitan usaha British menghapuskan komunis.



Apakah X?

- A Perang saraf
B Rancangan Briggs
C Rundingan Baling
D Perintah berkurung

13 Apakah objektif yang hendak dicapai oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?

- I Mempertahankan hak orang Melayu
II Mewujudkan keadaan harmoni
III Mengkaji hubungan kaum
IV Mengukuhkan kedudukan British
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 14 Bagaimanakah Sistem Ahli membantu usaha ke arah berkerajaan sendiri?
- A Merangka perlembagaan baharu
 - B Melaksanakan pilihan raya umum
 - C Menyelesaikan masalah perkauman
 - D Melatih penduduk tempatan mentadbir
- 15 Mengapakah Kerajaan Persekutuan membentuk Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan?
- A Mendaftar calon yang bertanding
 - B Mengkaji hal ehwal pilihan raya
 - C Mengendali proses pengundian
 - D Menetapkan manifesto parti
- 16 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan yang ditubuhkan selepas Pilihan Raya Umum 1955?
- A Mengambil alih pentadbiran
 - B Menggubal undang-undang
 - C Mengetuai pentadbiran negeri
 - D Menguruskan kewangan negara
- 17 Pernyataan di bawah berkaitan dengan hasil persetujuan di London.
- Pada 8 Mac 1956, kerajaan British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Reid setelah mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu.
- Apakah peranan suruhanjaya tersebut?
- A Mengadakan pilihan raya umum
 - B Mengatasi masalah ancaman komunis
 - C Mengkaji dasar pendidikan kebangsaan
 - D Merangka perlembagaan negara yang merdeka

- 18** Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Agama Islam sebagai agama Persekutuan
 - II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
 - III Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
 - IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 19** Apakah peranan utama Jawatankuasa Persediaan Fizikal sempena pemasyhuran kemerdekaan negara?
- A Mempromosi majlis sambutan
B Menghias jalan utama ibu kota
C Memastikan kelancaran majlis
D Menonjolkan identiti negara
- 20** Mengapa pemimpin negara menyertai Komanwel sebaik sahaja mencapai kemerdekaan?
- A Membuktikan keupayaan tentera
B Merapatkan hubungan sosioekonomi
C Melaksanakan pmodenan negara
D Membantu negara mundur
- 21** Apakah tafsiran kedaulatan mengikut pandangan Aristotle?
- A Keadilan sosial
B Kekitaan bangsa
C Kekuasaan tertinggi
D Ketegasan undang-undang

22 Bagaimanakah pemerintah dapat mewujudkan kestabilan politik negara?

- A Merangka program perpaduan
- B Mewujudkan pentadbiran cekap
- C Melaksanakan dasar kebudayaan
- D Merangka kempen integrasi nasional

23 Apakah kepentingan mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak?

- A Memajukan ekonomi kerajaan
- B Memodenkan corak pentadbiran
- C Menentukan bidang kuasa pemerintah
- D Merintis pembentukan undang-undang

24 Mengapa perlembagaan negara mengalami pindaan pada tahun 1963?

- A Menyesuaikan peruntukan negeri baharu
- B Mengikut perubahan ekonomi semasa
- C Memenuhi permintaan majoriti rakyat
- D Mengelakkan kedudukan mahkamah

25 Sistem pemerintahan berikut diamalkan di Malaysia sejak tahun 1957.

- Sistem Raja Berperlembagaan
- Sistem Demokrasi Berparlimen

Bagaimanakah pelaksanaan sistem pemerintahan tersebut?

- I Rakyat berhak memilih pemimpin
 - II Raja merupakan pemerintah tertinggi
 - III Mahkamah menggubal undang-undang
 - IV Majlis Undangan Negeri diwujudkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 26** Bagaimanakah sistem pemerintahan beraja mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara kita?
- Mengekalkan hak penduduk asal
 - Meredakan pertikaian parti politik
 - Melindungi kepentingan sah kaum lain
 - Melancarkan pelaksanaan dasar kerajaan
- 27** Apakah perkara yang terkandung dalam senarai Kerajaan Persekutuan?
- Pertahanan
 - Perundangan
 - Pemerintahan
 - Pelajaran
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- 28** Mengapakah Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menubhukan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)?
- Menyekat kehadiran pelarian
 - Memanteras ancaman komunis
 - Mencegah kemasukan warga asing
 - Menghalang pencerobohan pengganas
- 29** Mengapakah idea pembentukan Malaysia dipersetujui oleh British?
- Mengurangkan kuasa raja
 - Menyekat kedatangan imigran
 - Membendung ancaman komunis
 - Melambatkan proses kemerdekaan

- 30 Tentera Indonesia telah melancarkan serangan di Johor, Sabah dan Sarawak dalam kempen Ganyang Malaysia.

Bagaimanakah Malaysia menangani isu serangan tersebut?

- A Mengadakan rundingan damai
- B Melaksanakan sekatan ekonomi
- C Meminta campur tangan negara jiran
- D Membawa isu dalam pertubuhan antarabangsa

- 31 Apakah cabaran yang dihadapi dalam usaha memajukan sistem perhubungan di Sarawak?

- A Saiz negeri yang besar
- B Kekurangan tenaga kerja
- C Sikap masyarakat tempatan
- D Kesedaran pendidikan rendah

- 32 Pengeboman Tugu Negara pada 26 Ogos 1975 telah menimbulkan kemarahan rakyat terhadap komunis.

Apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak keselamatan selepas kejadian tersebut?

- A Memperkenalkan perang saraf
- B Memulakan serangan bersenjata
- C Mengenakan perintah berkurung
- D Memperkuat perkhidmatan risikan

- 33 Bagaimanakah bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa rasmi negara?

- A Menggubal Akta Bahasa Kebangsaan
- B Menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara
- C Memperkasa sekolah menengah aliran Melayu
- D Mewujudkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

34 Gambar berikut menunjukkan logo Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).



Apakah kepentingan penganjuran sukan tersebut?

- A Memperkasa aktiviti sukan rakyat
- B Memantapkan semangat kenegerian
- C Menggalakkan integrasi antara negeri
- D Meningkatkan kualiti sistem pendidikan

35 Agensi kerajaan berikut ditubuhkan oleh kerajaan bagi golongan belia.

- Pusat Latihan Kemahiran Giatmara
- Institut Latihan Perindustrian (ILP)

Apakah kesan penubuhan agensi tersebut terhadap golongan bumiputera?

- A Menggerakkan sektor industri berat
- B Mewujudkan komuniti berdaya saing
- C Menambah bilangan pemegang saham
- D Memperoleh pekerjaan berpendapatan tinggi

36 Bagaimanakah kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan wilayah melalui Dasar Pembangunan Nasional?

- I Menyebarkan industri terpilih
 - II Melaksanakan pasaran terbuka
 - III Mengurangkan kemasukan imigran
 - IV Menggunakan konsep pertanian pintar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37 Malaysia menyertai Rancangan Colombo di bawah pertubuhan Komanwel.

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Menangani masalah kemiskinan
- B Mengukuhkan sistem pertahanan
- C Mendapatkan pengecualian cukai
- D Memperjuangkan kebebasan asasi

38 Bagaimanakah perluasan pengaruh komunis di Indochina memberi kesan terhadap Malaysia?

- A Kemerosotan nilai mata wang
- B Kejatuhan sistem demokrasi
- C Kebanjiran pendatang asing
- D Keruntuhan institusi beraja

39 Manakah antara berikut merupakan Non-Governmental Organization – NGO (Pertubuhan Bukan Kerajaan) yang terlibat menangani isu kemanusiaan di Palestin?

- I Muslim Care Malaysia
 - II Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)
 - III Global Peace Mission (GPM)
 - IV Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

40 Mengapakah Malaysia mencadangkan pentadbiran Antartika diletakkan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?

- A Kelestarian alam sekitar berkekalan
- B Penyelidikan dilakukan secara bebas
- C Hasil yang diperoleh dinikmati bersama
- D Dominasi sebahagian kecil negara diteruskan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT